

## KATA ARAH

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Kebajikan anak-anak di \_\_\_\_\_ tanggungan ibu bapa.  
A sudut      B dalam      C depan      D bawah

2 Pei Shy menyimpan nombor telefon kawan baiknya ke \_\_\_\_\_ telefon bimbit.  
A sisi      B dalam      C penjuru      D puncak

3 Pak Nordin menebas semak di \_\_\_\_\_ rumahnya.  
A atas      B sudut      C pinggir      D belakang

4 Kawasan perkelahan itu terletak di \_\_\_\_\_ sungai.  
A hilir      B antara      C bawah      D penjuru

5 Bapa berdiri di \_\_\_\_\_ kereta sambil berbual-bual dengan kawannya.  
A tepi      B dalam      C hujung      D pinggir

6 Terdapat dua bilah gunting di \_\_\_\_\_ kotak itu.  
A hilir      B luar      C hulu      D dalam

7 Budak itu memasang barang hiasan di \_\_\_\_\_ pensel barunya.  
A hujung      B puncak      C dalam      D hadapan

8 Peragawan dan peragawati itu sedang memperagakan pakaian rekaan Bernard Tan di \_\_\_\_\_ pentas.  
A utara      B bawah      C atas      D sudut

9 Di \_\_\_\_\_ sungai itu ada sebuah pondok usang.  
A puncak      B dalam      C atas      D seberang

10 Beberapa orang pemain berkumpul di \_\_\_\_\_ gelanggang bola keranjang.  
A tepi      B celah      C selatan      D tengah

11 Beberapa buah beg diletakkan di \_\_\_\_\_ kelas 6C.  
A penjuru      B hilir      C hulu      D utara

12 Jonathan berdiri di \_\_\_\_\_ kuda yang hendak ditunggangnya.  
A sisi      B hulu      C selatan      D utara

13 Pengawas itu berdiri di \_\_\_\_\_ murid -murid Tahun 4 Maju semasa perhimpunan dijalankan.  
A sudut      B pinggir      C pangkal      D hadapan

14 Petani bertungkus-lumus menuai padi di \_\_\_\_\_ cahaya matahari yang terik.  
A segi      B atas      C bawah      D puncak

- 15 Sazali duduk di \_\_\_\_\_ ibu dan kakaknya semasa menonton televisyen.  
A hilir          B hulu          C hujung          D antara
- 16 Mantel merupakan lapisan \_\_\_\_\_ Bumi yang bersuhu 2000 °C hingga 4000°C .  
A luar          B tepi          C hujung          D tengah
- 17 Tompok-tompok hitam di \_\_\_\_\_ permukaan roti itu ialah kulat.  
A sisi          B atas          C dalam          D pangkal
- 18 Matahari terbit di sebelah \_\_\_\_\_ dan terbenam di sebelah barat.  
A atas          B timur          C utara          D selatan
- 19 Udara di \_\_\_\_\_ bukit itu nyaman dan dingin.  
A sudut          B hujung          C puncak          D penjuru
- 20 Jamal memasukkan surat ke \_\_\_\_\_ sampul surat sebelum mengeposkannya.  
A luar          B celah          C dalam          D seberang
21. Di \_\_\_\_\_ bilik ruang tamu itu terdapat sejambak gubahan bunga yang sungguh cantik.  
A celah          B atas          C puncak          D dalam
- 22 Negeri Johor terletak di \_\_\_\_\_ Semenanjung Malaysia.  
A. selatan          B. bawah          C tengah          D atas
- 23 Sebagai pendaki profesional, setakat ini sudah lima kali Amirul sampai ke \_\_\_\_\_ Gunung Kinabalu.  
A. atas          B hujung          C pinggir          D puncak
- 24 Pejabat pos itu terletak di \_\_\_\_\_ sebuah bank dengan sebuah kedai perabot.  
A sisi          B antara          C pangkal          D penjuru
- 25 Ikan-ikan peliharaan Stanly berenang-renang di \_\_\_\_\_ batu dan tumbuhan hiasan.  
A. atas          B. celah          C. sudut          D. hadapan